

REVISI 2

**Persidangan Umum Tahunan ke-181
Sesi Petang Sabtu, April 2, 2011**

Sukacita dalam Perkhidmatan

Elder M. Russell Ballard

Kuorum Dua Belas Rasul

Saudara-saudari, saya berharap agar yang melewati Kota Salt Lake akan mengambil kesempatan untuk menikmati warna-warni dan wangian yang dipancarkan bunga-bunga di sekeliling Bait Suci Salt Lake.

Musim bunga membawa perbaharuan cahaya dan kehidupan. Melalui kitaran musim, ia memperingatkan kita akan kehidupan, pengorbanan, dan kebangkitan Penebus kita, iaitu Yesus Kristus, kerana "segala sesuatu memberi kesaksian akan Dia." (Musa 6:63).

Berhadapan dengan suasana yang indah musim bunga beserta dengan kelambangan harapannya, maka ada sebuah dunia penuh dengan kewaswasan, kebelitan, dan kekeliruan. Tuntutan kehidupan sehari-harian – termasuk pendidikan, membesarkan kanak-kanak, pengurusan dan panggilan gereja, kegiatan duniawi, termasuk pun pedih dan dukacita kesakitan dan tragedi – semua ini dapat menyusahkan kita sampai hampa. Bagaimana kita dapat membebaskan diri kita daripada sarang labah-labah yang belit cabaran dan ketidakpastian ini untuk menemukan kedamaian serta kebahagiaan?

Seringkali kita seperti suatu pedagang muda dari Boston. Menurut ceritanya, di 1849 dia asyik dengan rangsangan Perburuan Emas California. Dia menjual semua harta-bendanya untuk mencari kekayaan di sungai-sungai California. Kata orang, sungai itu penuh dengan bongkah emas yang terlalu besar sampai tak terbawa.

Hari demi hari tanpa akhir, pemuda itu mendulang di sungai tetapi tidak juga berhasil. Ganjarannya cuma sebuah timbun batu yang sedang membesar. Kecewa dan pokai pun, dia sudah hendak putus asa, bila pada suatu hari, seorang pekerja lombong yang tua dan berpengalaman berkata kepadanya, "Betapa besarlah timbun batu yang kamu himpunkan, anak."

Pemuda itu menjawab "Tiada emas di sini. Aku hendak pulang ke rumah."

Sambil menuju timbun batu, pekerja lombong yang tua berkata, "Nah, ada juga emas. Kamu hanya perlu tahu di mana hendak mencari." Dia mengangkat dua biji batu dengan tangannya dan

pukul-memukul satu pada yang lain. Salah satu daripadanya pecah sampai mendedahkan beberapa bintik-bintik emas mengilat disinari matahari.

Menyedari uncang kulit menggebu yang diikat pada pinggir pekerja lombong, pemuda itu berkata “Saya mencari bongkah seperti yang di dalam uncang anda, bukan bintik-bintik yang sangat kecil saja.

Pekerja lombong tersebut mengulurkan uncangnya kepada pemuda, yang melongok ke dalam, menjangka akan melihat beberapa bongkah besar. Dia terperanjat bila tengok uncang penuh dengan beribu-ribu bintik-bintik emas.

Pekerja lombong yang tua itu berkata “Anak, kamu seolah-olah terlalu sibuk mencari bongkah besar sampai tidak sempat mengisi uncang kamu dengan bintik-bintik emas yang berharga ini. Penhimpunan sabar bintik-bintik yang kecil ini sudah membawa kekayaan yang sungguh-sungguh kepadaku.

Cerita ini mencontohi kenyataan yang diajari Alma kepada anaknya Helaman “melalui apa yang kecil dan sederhana apa yang besar didatangkan...dan dengan cara-cara yang sangat kecil Tuhan...mendatangkan keselamatan banyak jiwa.” (Alma 37:6--7)

Saudara-saudari, injil Yesus Kristus memang sederhana, walaubagaimanapun kita memperbelitkannya. Kita harus berusaha supaya hidup kita begitu sederhana juga, tanpa terbeban oleh pengaruh asing, tertumpu pada yang paling bermakna.

Apakah perkara injil yang sederhana dan berharga. Apakah yang membawa dorongan dan tujuan ke dalam hidup kita? Apakah bintik-bintik emas injil yang, kalau dihimpunkan sepanjang hayat kita, akan menganugerahkan harta yang terpenting kepada kita, iaitu hadiah yang berharga hidup yang kekal.

Saya percaya ada suatu asas yang kecil tetapi bermakna dalam, bermakna pun ketuhanan. Asas ini merangkumi keseluruhan injil Yesus Kristus. Jikalau kita menganutinya dengan sepenuh hati dan menumpukan hidup kita masing-masing pada asas ini, ia akan memurnikan dan menguduskan kita supaya sekali lagi tinggal di hadirat Tuhan kita.

Juruselamat membincangkan asas ini bila menjawab kepada seorang Farisi yang tadinya bertanya, “Guru Besar, apakah perintah Hukum yang terpenting?”

“Yesus bersabda kepadanya, Engkau harus menyayangi Tuhan dengan sepenuh hati, dan sepenuh jiwa, dan sepenuh minda.”

“Inilah perintah yang pertama dan terpenting.”

“Dan yang kedua serupa, Engkau harus menyayangi sesamamu sama seperti dirimu.” (Matius 22:36--40).

Hanya kalau kita menyayangi Tuhan Bapa serta Kristus dengan sepenuh hati, jiwa, dan minda, kita akan dapat mengongsikan kasih sayang ini dengan sesama kita, melalui perbuatan kemurahhatian dan khidmat. Itulah cara Juruselamat akan menyayangi dan melayani kita seandainya dia ada bersama kita hari ini.

Bila kasih yang murni Kristus menyelubungi kita, kita akan berfikir, merasa, dan berlaku lebih seperti Tuhan Bapa dan Kristus berfikir, merasa, dan berlaku. Dorongan kita serta keinginan sejati kita adalah seperti yang dipunyai Juruselamat. Dia mengongsikan keinginan ini dengan rasulnya suatu hari sebelum penyalibannya.

Dia bersabda “Sebuah perintah baru aku memberikan kepadamu, bahawa engkau berkasih sayang satu kepada yang lain, sepertimana aku berkasih sayang kepadamu...”

“Oleh perihal inilah ramai akan mengetahui bahawa engkau semua muridku, jikalau engkau berkasih sayang, satu kepada yang lain.” (Yohanes 13:34--35).

Kasih sayang yang digambarkan Juruselamat tadi merupakan kasih sayang yang aktif. Ia bukan ternyata dalam perbuatan yang besar atau kewiraan, melainkan dalam kelakuan sederhana kemurahhatian dan perkhidmatan.

Ada serba banyak cara dan kaedah untuk berkhidmat dan mengasihi sesama kita. Biarlah saya mencadangkan beberapa saja.

Pertama-tama, kasih yang murni bermula dari rumah kita. Asas satu-satunya yang paling penting untuk menguruskan setiap rumah adalah untuk mengamalkan Perintah Emas, iaitu amaran Tuhan supaya “segala sesuatu yang anda menginginkan ramai berbuat kepadamu, biarlah anda berbuat demikian kepada mereka” (Matius 7:12). Ambillah masa sedikit, lalu bayangkanlah bagaimana perasaan anda jikalau menjadi mangsa perkataan ataupun kelakuan yang secara tidak sengaja menyinggung. Dengan teladan kita, marilah kita mengajar anggota keluarga kita supaya saling menyayangi.

Satu lagi kesempatan subur untuk berkhidmat adalah dalam Gereja. Bahagian dan cabang kita seharusnya menjadi tempat di mana Perintah Emas sentiasa memandu perkataan dan kelakuan satu bersama yang lain. Dengan melayani sesama kita dengan murah hati, bercakap dengan sokongan dan dorongan, dan bersifat peka terhadap keperluan orang, kita akan membantu

menciptakan kesatuan berkasih sayang di antara anggota cabang. Di manapun kasih yang murni ada, maka tidak akan ada tempat untuk gosip ataupun perkataan yang menyinggung.

Anggota cabang, dewasa dan pemuda juga, dapat bersatu dalam perkhidmatan yang bermakna untuk memberkati hidup orang lain. Baru dua minggu yang lepas, Presiden Daerah Amerika Selatan Barat Daya, Elder Nash, melapor bahawa dengan menugaskan yang kuat jiwa kepada yang lemah, mereka menyelamatkan beratus-ratus dewasa dan pemuda yang kurang aktif. Melalui kasih sayang dan perkhidmatan, “satu demi satu,” mereka sekarang balik. Kelakuan kemurahhatian ini dapat menempa sambungan yang kekal di antara semua yang terlibat, yang ditolong dan yang menolong juga. Begitu banyak kenangan berharga yang tertumpu pada perkhidmatan yang sedemikian rupa.

Bila saya mengimbas kembali pada banyak tahun pentadbiran Gereja, beberapa daripada kenangan yang paling mendalam saya adalah masa saya bergabung dengan anggota cabang yang lain dalam menolong orang.

Misalnya, saya ingat selaku uskup, bekerja bahu-membahu dengan beberapa anggota bahagian saya yang aktif semasa kami membersihkan lubang kompos di ladang kebajikan pancang. Ini bukan tugas yang menyenangkan! Ada suatu lelaki yang kurang aktif, yang selama banyak tahun kebelakangan itu tidak menghadiri pertemuan Gereja. Dia dijemput ikut bersama kami. Kerana kasih sayang dan persahabatan yang dirasainya semasa kami bekerja dan bersembang dalam lubang kompos itu, dia menghadiri pertemuan Gereja lagi dan kemudian dimeteraikan di bait suci kepada isteri dan anaknya. Persahabatan kami yang ditempa melalui perkhidmatan sudah memberkati anaknya, cucunya, dan sekarang cicinya juga. Ramai daripada mereka sudah menjadi mubaligh, berkahwin di dalam bait suci, dan sekarang membesarkan keluarga yang kekal – pekerjaan yang mahamulia yang ditimbulkan oleh perbuatan yang sederhana – bintik-bintik kecil emas.

Peluang ketiga kita untuk berkhidmat adalah dalam cabang kita. Sebagai pernyataan kasih sayang yang murni kita boleh mengulurkan tangan kepada yang memerlukannya. Ramailah daripada anda yang pernah memakai baju kemeja “tangan yang menolong” dan bekerja tanpa penat untuk meringankan penderitaan dan memperbaiki lingkungan anda. Baru-baru ini, para bujang dan dara di Pasang Sendai Jepang memberi perkhidmatan yang tak terharga dalam mencari anggota di antara buntut gempa bumi yang memusnahkan serta tsunami. Cara berkhidmat tak terhitung.

Melalui kemurahhatian sejati serta perkhidmatan kita, kita boleh menjadi kawan dengan mereka yang kami layani. Daripada persahabatan ini datanglah kefahaman yang lebih dalam akan ketekadan kita pada injil dan keinginan untuk lebih mempelajari perkara gereja.

Sahabat saya yang baik, iaitu Elder Joseph B. Wirthlin, pernah membincangkan kuasa asas ini dengan kata-kata ini:

“Kemurahan hati merupakan inti sari kehebatan. Ialah paspor yang membuka pintu dan menukar orang menjadi kawan. Ia melembutkan hati dan menempa hubungan yang kekal sepanjang hayat.” (“The Virtue of Kindness,” *Ensign*, May 2005, 26).

Satu lagi cara untuk berkhidmat untuk anak Bapa di Syurga adalah melalui perkhidmatan kemubalighan – bukan saja sebagai mubaligh penuh waktu tetapi sebagai sahabat dan jiran juga. Perkembangan Gereja di masa depan akan terjadi bukan saja melalui mengetuk pintu orang. Ia akan terjadi bila anggota, beserta dengan para mubaligh, penuh dengan kasih sayang Tuhan Bapa dan Yesus Kristus, membaca hati orang, menyedari keperluannya, dan menanggapi keperluan itu dengan semangat perkhidmatan berkasih sayang.

Jikalau berlaku demikian, yang jujur hatinya akan merasai ketulusan serta kasih sayang kita. Ramai daripada mereka akan ingin tahu lebih banyak tentang kita. Kalau begitu, dan hanya begitu, Gereja akan berkembang dan memenuhi seluruh bumi. Ini tidak dapat dicapai oleh para mubaligh saja melainkan ia memerlukan keminatan dan perkhidmatan setiap anggota.

Dalam semua perkhidmatan kita, kita harus peka terhadap bisikan dari Roh Kudus. Suara yang lembut dan kecil akan memberitahu kita siapa yang memerlukan pertolongan kita dan apa yang dapat dilakukan kita untuk menolong mereka.

Presiden Spencer W. Kimball bersabda, “Adalah mustahak kita berkhidmat satu kepada yang lain dalam Kerajaan Tuhan. Begitu kerap, perbuatan perkhidmatan merangkumi dorongan sederhana atau pemberian pertolongan dengan tugas harian. Akan tetapi, begitu mulia akibat yang mengalir daripada perbuatan yang kecil tetapi sengaja.

Juga, Presiden Thomas S. Monson pernah bernasihat, “Keperluan orang lain sentiasa ada, dan setiap dari kita boleh berbuat sesuatu untuk menolong seseorang... Kecuali kita kehilangan diri dalam perkhidmatan kepada orang lain, ada sedikit saja tujuan dalam hidup kita.” (“What Have I Done for Someone Today?” *Liahona* Nov 2009, 85).

Saudara-saudari, biarlah saya menekankan semula bahawa sifat terpenting yang dipunyai Bapa di Syurga dan Puteranya yang terkasih yang kita harus menginginkan untuk mempunyai adalah kurnia kasih yang murni Kristus (Moroni 7:47). Daripada kurnia ini mengalirlah kemampuan kita untuk berkasih sayang dan berkhidmat kepada orang lain – sama seperti Juruselamat.

Nabi Mormon mengajarkan kepentingan yang terbesar kurnia ini, dan memberitahu kita bagaimana kita dapat menerimanya.

“Kerananya, saudara-saudaraku terkasihku, berdoalah kepada Bapa dengan sekuat tenaga hati, agar kamu boleh dipenuhi dengan kasih ini, yang telah Dia limpahkan kepada semua yang adalah pengikut sejati Putra-Nya, Yesus Kristus; agar kamu boleh menjadi para putra Tuhan, agar ketika Dia akan memperlihatkan diri kita akan menjadi seperti Dia, kerana kita akan melihat-Nya sebagaimana Dia adanya; agar kita boleh memiliki harapan ini; agar kita boleh dimurnikan bahkan seperti Dia adalah murni.” (Moroni 7:48).

Perkara yang besar ditimbulkan melalui perkara yang kecil dan sederhana. Sama seperti bintik-bintik kecil emas yang lama-kelamaan dihimpunkan menjadi harta-benda yang besar, perbuatan kecil dan sederhana kemurahhatian dan perkhidmatan akan berhimpun dalam hidup yang penuh dengan kasih sayang untuk Bapa di Syurga, ketekadan pada pekerjaan Tuhan Yesus Kristus, dan perasaan kedamaian dan sukacita setiap kali kita mengulurkan tangan satu kepada yang lain.

Sewaktu musim Paskah menjelang, marilah kita menunjukkan sayang dan penghargaan kita untuk Korban Penebusan Juruselamat melalui perbuatan berkhidmat kepada saudara-saudari di rumah, di gereja, dan di lingkungan. Semoga ini terjadi, aku memintakannya – demi nama Yesus Kristus, amin.